

# ANALISIS TEMATIK KALIMAH AL-HILĀL DI DALAM AL-KUTUB AL-SITTĀH

AHMAD IRFAN BIN IKMAL HISHAM

Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang  
irfan@ump.edu.my / abid.fana@gmail.com  
Mobile: 0129787895 / Fax: 095493112

## Abstrak

Perbincangan mengenai penetapan awal bulan di dalam taqvim hijriy merupakan diskusi yang sentiasa berlegar di dalam ilmu falak. Ketika kaedah ru'yah hilāl dijadikan teras utama dalam penentuan taqvim tersebut, kaedah hisāb pula sering menjadi perselisihan dalam kalangan sarjana Muslim. Perdebatan ini, ironinya, bukan baru bermula sejak daripada zaman kemajuan ilmu falak dan astronomi moden, tetapi telah berlaku sejak zaman penulisan kitab fiqh awal dan sharah ḥadīth yang muktabar (Mukarram:nd). Berlatarbelakangkan realiti ini, timbul persoalan bagaimana wujudnya perselisihan tersebut yang masih belum lagi disepakati oleh pengamal falak zaman moden. Bagi menjawab persoalan ini, kertas kajian ini meletakkan objektif bagi meneliti ḥadīth-ḥadīth yang mengandungi kalimah al-hilāl di dalam al-Kutub al-Sittah, serta membangunkan analisis tematik daripada hadith-hadith berkenaan. Seterusnya, kajian akan turut memfokuskan kepada aplikasi pembangunan tema tersebut ke dalam pengurusan taqvim hijriy. Bagi mencapai objektif tersebut, pendekatan kuantitatif ringkas diaplikasikan bagi mendapatkan frekuensi penggunaan kalimah al-hilāl di dalam *al-kutub al-sittah*, disusuli dengan analisis tekstual terhadap pola tema ḥadīth berkaitan berasaskan teori kualitatif tematik Boyatzis (1998). Secara umumnya, kajian mendapati bahawa usaha menguruskan sistem taqvim hijriy yang boleh diterima umum, boleh dirancarkan lagi dengan memahami usul perselisihan di dalam ḥadīth mengenai al-hilāl.

## 1 PENDAHULUAN

Pengurusan kalender adalah merupakan sebahagian daripada lambang keutuhan sesebuah tamadun. Antara tamadun yang mempunyai sistem kalender yang utuh ialah Tamadun Maya di Amerika Tengah (250 – 900 M) dan juga tamadun barat yang mempunyai sistem kalender Julian–Gregorian.

Di dalam sejarah tamadun Islām, walaupun nabi Muḥammad hanya meneruskan penggunaan sistem kalender lunar yang menjadi amalan orang Arab jahiliyyah, tetapi atas kepentingan dan kemajuan sebuah tamadun, ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb selaku khalifah kedua umat Islām telah berijtihad untuk memperkemas sistem kalender tersebut dengan memperkenalkan kiraan tahun.

Sama ada kalender berasaskan solar, lunar atau lunisolar, kesemua sistem tersebut bergantung kepada peredaran dua objek samawi terpenting bagi planet bumi, iaitu bulan dan matahari. Firman Allah:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسُ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ  
لِنَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ  
يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

*Dia lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesaranNya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikanNya)*

*Yunus, 10:5*

Walaupun ‘Umar berjaya memperkemas kalender lunar yang menjadi rujukan penting dalam beberapa ibadat dan perayaan umat Islām, satu isu yang kerap berbangkit dalam sistem tersebut ialah kekhilafan untuk menyatukan titik permulaan bulan. Perbezaan pendapat dalam kalangan sarjana Muslim mengenai penentuan awal bulan, sama ada semata-mata bergantung kepada ru’yah atau boleh merujuk kepada ḥisāb dan pengiraan moden, telah berlaku sejak daripada zaman penulisan manuskrip fiqh dan sharah ḥadīth awal. Justeru, memandangkan kesemua kaedah mempunyai sandaran hujjah akademik tersendiri, adalah penting bagi membuat sorotan kembali punca perselisihan pendapat tersebut, yang banyak terhasil kerana perbezaan pendekatan dalam memahami ḥadīth berkaitan hilāl.

### 1.1 ILMU ḤADĪTH DAN FALAK

Ḥadīth adalah merupakan sumber rujukan kedua di dalam Islām. Kepentingan ilmu ḥadīth dapat dilihat berdasarkan peranannya yang bukan sahaja menjadi sumber perundangan yang

penting di dalam ilmu sharī‘ah, akan tetapi ianya juga berfungsi sebagai salah satu daripada kaedah pembuktian mu‘jizat kenabian Muḥammad. Berdasarkan kepentingan ilmu tersebut, Syamsul Anuar (2011) berpandangan ianya tidak hanya menjadi bidang yang eksklusif dalam kalangan sarjana ḥadīth tradisi, akan tetapi turut menjadi objek penyelidikan di dalam bidang-bidang yang lain, seperti ilmu falak.

Atas landasan inilah dunia penyelidikan ḥadīth semakin merentasi bidang disiplin ilmu. Sebagai contoh, buku al-I‘jāz al-‘Ilmiy fī al-Sunnah al-Nabawiyyah nukilan Dr Zaghlul al-Najjar, telah dijadikan rujukan terbaik para penyelidik untuk mengkaji perkaitan mu‘jizat saintifik yang boleh dipelajari daripada ḥadīth nabawiy (Ishak, 2011). Mendahului sebelum itu, ialah siri-siri penyelidikan yang dibuat oleh sarjana barat seperti Maurice Bucaille yang membincangkan persoalan sains di dalam al-Qur’ān dan Keith Moore yang menerajui kajian embriologi berasaskan ayat al-Qur’ān.

Antara cabang penyelidikan sains di dalam ḥadīth ialah persoalan astronomi dan falak.

## 1.2 SOROTAN TERHADAP KAEDAH PENENTUAN AWAL BULAN

Di dalam sistem kalender hijriy, penentuan awal bulan dilakukan berdasarkan panduan daripada al-Qur’ān dan al-Ḥadīth, iaitu nampaknya (ru’yah) al-hilāl. Hilāl, atau anak bulan, merupakan salah satu daripada fenomena alam. Selain berfungsi sebagai tanda-tanda kebesaran Allah, ianya berperanan sebagai pedoman yang tuntas terhadap pengiraan kalender bagi menguruskan kehidupan manusia, khususnya dalam konteks ibadah seperti puasa, haji raya dan sebagainya.

Al-hilāl merupakan sebahagian daripada proses perubahan penampilan objek bulan pada pandangan manusia di bumi, berdasarkan kepada pusingan dan aturan falak yang tertentu. Tahap perubahan penampilan objek bulan ini dikenali sebagai fasa bulan.

Semasa zaman nabi, penentuan awal bulan dibuat semata-mata menggunakan dua kaedah yang utama, iaitu ru’yah (melihat anak bulan) atau istikmāl (menggenapkan bulan kepada 30 hari sekiranya tidak kelihatan anak bulan). Inilah yang membezakan sistem kalender hijriy berbanding kalender lunar yang lain, iaitu permulaan awal bulan adalah berdasarkan ru’yah al-hilāl (penampakan anak bulan), bukannya semata-mata berdasarkan kepada wujud al-hilāl (wujudnya anak bulan setelah berlaku konjungsi astronomi).

صحيح البخاري ١٧٧٣: حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ حَدَّثَنَا مَالِكٌ عَنْ نَافِعٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ  
عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا  
أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَكَرَ رَمَضَانَ فَقَالَ لَا تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْا الْهِلَالَ وَلَا  
تُفْطِرُوا حَتَّى تَرَوْهُ فَإِنْ غَمَّ عَلَيْكُمْ فَأَقْدُرُوا لَهُ

*Ṣaḥīḥ Bukhārī 1773: Telah menceritakan kepada kami 'Abdullah bin Maslamah telah menceritakan kepada kami Malik dari Nafi' dari 'Abdullah bin 'Umar bahawa Rasulullah menceritakan tentang bulan Ramadhan lalu Beliau bersabda: "Janganlah kalian berpuasa hingga kalian melihat hilāl dan jangan pula kalian berbuka hingga kalian melihatnya. Apabila kalian terhalang oleh awan maka perkirakanlah jumlahnya".*

Sejajar dengan perkembangan ilmu sains dan matematik, sarjana astronomi telah berjaya mencadangkan metod hisāb atau pengiraan moden di dalam menentukan kebolehnampakan hilāl. Walaupun kaedah ini tidak pernah dilakukan di zaman nabi Muḥammad, akan tetapi ada beberapa sandaran ḥadīth yang memberikan isyarat mengenai keharusan menggunakan kaedah ini. Antaranya, ialah seperti isyarat tidak langsung nabi:

صحيح البخاري ١٧٨٠: حَدَّثَنَا آدَمُ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ حَدَّثَنَا الْأَسْوَدُ بْنُ قَيْسٍ حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ  
عَمْرٍو أَنَّهُ سَمِعَ ابْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا  
عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ إِنَّا أُمَّةٌ أُمِّيَّةٌ لَا نَكْتُبُ وَلَا نَحْسِبُ الشَّهْرَ هَكَذَا  
وَهَكَذَا يَعْنِي مَرَّةً تِسْعَةً وَعِشْرِينَ وَمَرَّةً ثَلَاثِينَ

*Ṣaḥīḥ Bukhārī 1780: Telah menceritakan kepada kami Adam telah menceritakan kepada kami Shu'bah telah menceritakan kepada kami Al Aswad bin Qais telah menceritakan kepada kami Sa'id bin 'Amru bahawa dia mendengar Ibnu'Umar dari Nabi bersabda: "Kita ini adalah ummat yang ummi, yang tidak biasa menulis dan juga tidak menghitung satu bulan itu jumlah harinya segini dan segini, yaitu sekali berjumlah dua puluh sembilan dan sekali berikutnya tiga puluh hari".*

Sebahagian sarjana memahami ḥadīth di atas dengan cara mafhūm mukhālafah, iaitu andai di zaman nabi, ketika tiada lagi pencapaian dalam pengiraan falak yang bersifat maju, nabi hanya menentukan awal bulan menerusi ru'yah dan istikmāl, justeru sekiranya di zaman yang sudah maju aspek pengiraan, maka penggunaan hisāb adalah diharuskan. Ini juga diqiaskan dengan kaedah penentuan masuk waktu solat farḍu, yang pada awalnya di zaman nabi terdapat arahan untuk ru'yah fenomena tertentu seperti hilangnya cahaya merah di langit bagi penentuan solat 'Ishā', akan tetapi setelah wujudnya kemajuan di dalam teknologi pengiraan falak, maka kaedah hisāb telah digunapakai.

Selain itu, isyarat al-Qur'ān juga difahami sebahagian sarjana sebagai satu galakan untuk mengembangkan kaedah ini, seperti yang dinyatakan di dalam Al-An'ām:96-97, Yūnus:5 dan al-Isrā':12.

Wacana mengenai penggunaan kaedah hisāb telah banyak dilakukan oleh sarjana Muslim. Secara umum, bukan semua kaedah hisāb boleh digunapakai dalam penetapan awal bulan. Hisāb 'urfiy sebagai contohnya, yang membabitkan penggiliran mudah bulan ganjil sebagai 30 hari dan bulan genap sebagai 29 hari, ditolak oleh sarjana kerana tiada kaitan langsung dengan arahan ru'yah hilāl. Adapun kaedah pengiraan yang selalu dikembangkan oleh sarjana falak, ialah kaedah hisāb haqīqiy.

Mohd Zambri dan Mohd Saiful Anwar (n.d.) dalam meringkaskan perkembangan kaedah penentuan awal bulan di Malaysia seperti mana yang turut dibincangkan di peringkat MABIMS, menyimpulkan bahawa pengamalan tersebut bermula dengan kaedah Ru'yah-Ḥisāb, Ḥisāb-Rukyah, Ru'yah-Ḥisāb dan selanjutnya berkembang kepada kaedah Imkān al-Ru'yah.

Ḥisāb imkān al-ru'yah secara literal bermaksud pengiraan kebolehnampakan anak bulan. Selain membuat pengiraan terhadap wujudnya hilāl di atas ufuk, al-hāsib (ahli falak yang pandai membuat kiraan) juga terikat dengan faktor-faktor lain. Kebolehnampakan al-hilāl bukan semata-mata atas faktor lokasinya di atas ufuk, tetapi turut membabitkan ketinggian

dari garis horizon serta jauhnya al-hilāl dari matahari. Justeru di dalam kaedah ini, proses ru'yah sebenar turut dilakukan. Di dalam kaedah ini, faktor yang turut diambil kira ialah kadar kecerahan langit yang mempengaruhi batas kemampuan penglihatan manusia. Ḥisāb imkān al-ru'yah menurut sebahagian sarjana, adalah antara cara terbaik dalam penentuan awal bulan dalam kalender hijriy kerana mempunyai sandaran shara' yang kuat, kerana masih berada di lingkungan kaedah ru'yah (H.S. Farid, 1996).

### 1.3 AL-HILĀL DI DALAM ḤADĪTH

Oleh kerana latar perbincangan mengenai ikhtilāf sarjana Muslim mengenai penentuan masuknya awal bulan ini ini banyak berkisar mengenai pemahaman berbeza mereka terhadap ḥadīth-ḥadīth berkaitan, justeru pengkaji berpandangan terdapat keperluan untuk membuat sorotan dan analisis bersifat tematik ḥadīth yang menyentuh secara langsung kalimah al-hilāl di dalam al-kutub al-sittah.

## 2 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan metodologi kualitatif menerusi kaedah analisis tematik. Analisis tematik merupakan antara kaedah kajian yang digunakan secara meluas di dalam penyelidikan kualitatif, walaupun kurang digunakan di dalam akademik (Boyatzis, 1998). Walaupun demikian, kaedah ini amat berkesan bagi menganalisa paten dan tema dalam mana-mana sumber rujukan bagi meluaskan lagi ruang penyelidikan dalam bidang pengetahuan yang spesifik.

Menurut Braun dan Clarke (2006), terdapat 6 proses yang digunakan bagi menganalisis data tematik dalam penyelidikan, seperti berikut:

- i. Mengumpul dan menyorot data kajian.
- ii. Menghasilkan kodifikasi awal.
- iii. Mencari tema-tema.
- iv. Membuat sorotan tema.
- v. Memperhalusi pengkategorian tema.
- vi. Menghasilkan laporan.

Dalam kajian ini, penyelidik hanya akan memfokuskan pencarian ḥadīth di dalam al-kutub al-sittah yang mengandungi kalimah al-Hilāl. Perkataan-perkataan tersebut dipilih kerana jasad samawi tersebut menjadi objek terpenting terhadap penentuan awal bulan di dalam kalender Islām. Kalimah qamar dan shahr yang juga dirujuk sebagai bulan tidak diambil kira di dalam kajian ini, kerana walaupun ianya turut merujuk kepada jasad yang sama, tetapi tidak membabitkan fasa terpenting dalam sistem kalender.

Bagi mengumpul data, penyelidik menggunakan program Ensiklopedia Ḥadīth Kitāb 9 Imām keluaran Lidwa untuk mengumpul data ḥadīth-ḥadīth yang berkaitan. Program Ensiklopedia Ḥadīth Kitāb 9 telah diiktiraf dan digunakan secara meluas di dalam penyelidikan ḥadīth. Berdasarkan kajian yang dilakukan sarjana Ḥadīth Shahril Nizam Zulkipli dan Ishak Suliaman (2013), terdapat beberapa sumber ḥadīth daripada internet seperti di IslamWeb dan al-Durar al-Saniyyah yang boleh diterima auctoriti mereka di dalam pengajian ḥadīth. Mereka turut menyentuh program Ensiklopedia Ḥadīth Kitāb 9 yang dihasilkan oleh Lidwa daripada

sudut ketepatan ḥadīth dan kemudahan untuk takhrīj. Walau bagaimanapun, penyelidik akan turut melakukan semakan silang dengan edisi cetakan.

Selepas mendapatkan ḥadīth-ḥadīth tersebut, penyelidik seterusnya menghasilkan kodifikasi melalui penelitian terhadap kedudukan ḥadīth itu di dalam tema bab. Seterusnya, ḥadīth yang relevan akan dikumpulkan menerusi tema yang berkaitan dengan isu sistem kalender hijriy. Sorotan dan analisis akan dilakukan, sebelum pengkategorian tema diperhalusi

### 3 HASIL KAJIAN

*Jadual 1 Kekerapan Kalimah al-Hilāl di Dalam al-Kutub al-Sittah*

PERKATAAN	FREKUENSI	NOMBOR HADITH	TEMA	
Al-Hilāl	55 <sup>1</sup>	Bukhārī (9 ḥadīth)	5978	Tazkirah melunakkan hati
			1829	Puasa wiṣāl (larangan)
			2379	Tazkirah melunakkan hati
			5403	Awal bulan (miqat zamani)
			6345	Puasa wiṣāl (larangan)
			6701	Puasa wiṣāl (larangan)
			161	Awal bulan (miqat zamani)
			1773	Awal bulan Ramaḍān
			6755	Puasa wiṣāl (larangan)
		Abū Dāwūd (15 ḥadīth)	591	Bentuk garisan depan orang yang solat
			1509	Awal bulan (miqat zamani)
			1976	Awal bulan Ramaḍān
			1981	Awal bulan Ramaḍān
			1984	Awal bulan Ramaḍān
			1985	Awal bulan Ramaḍān
			1992	Akhir bulan Ramaḍān
			1994	Awal bulan Ramaḍān

<sup>1</sup> Asal carian ialah sebanyak 69. Akan tetapi didapati carian turut meliputi nama perawi seperti al-Nazzāl bin Sabrah al-Hilālī dalam Ṣaḥīḥ Bukhārī ḥadīth 3217, Qabiṣah bin al-Hilālī dalam Sunan Abū Dāwūd ḥadīth 1001 dan 1397 serta Ṣaḥīḥ Muslim ḥadīth 1730, serta Sunan al-Nasā’ī ḥadīth 1469 dan 1470 serta Sunan al-Tirmidhī ḥadīth 513, Abū Mūsā al-Hilālī dalam Sunan Abū Dāwūd ḥadīth 1763, Muḥammad bin ‘Abdullāh bin ‘Ubaid bin ‘Aqīl al-Hilālī dalam Sunan Abū Dāwūd ḥadīth 3830, ‘Abdullāh bin ‘Aun al-Hilālī dalam Ṣaḥīḥ Muslim ḥadīth 2167, 3242, 3507, 3806 dan 5082, Abū Naṣr al-Hilālī dalam Sunan al-Nasā’ī ḥadīth 2193 dan al-Ḥamīd bin ‘Umar al-Hilālī dalam Sunan al-Tirmidhī ḥadīth 3422.

---

1995	Awal bulan Ramaḍān
4429	Adab (tak terima kesaksian)
4157	Adab (tak terima kesaksian)
977	Awal bulan Ramaḍān
1986	Awal bulan Ramaḍān
1993	Awal bulan Ramaḍān
4428	Adab / ayatullah
Ibn Mājah (4 ḥadīth)	
1643	Akhir bulan Ramaḍān
1644	Awal bulan Ramaḍān
1645	Awal bulan Ramaḍān
1642	Awal bulan Ramaḍān
Muslim (10 ḥadīth)	
1795	Awal bulan Ramaḍān
1811	Awal bulan Ramaḍān
1820	Awal bulan Ramaḍān
1846	Puasa wiṣāl (larangan)
2035	Awal bulan (miqat zamani)
5120	Bulan
5282	Tazkirah melunakkan hati
1978	Awal bulan Ramaḍān
1808	Awal bulan Ramaḍān
1819	Awal bulan Ramaḍān
Nasā'ī (12 ḥadīth)	
2085	Awal bulan Ramaḍān
2086	Awal bulan Ramaḍān
2090	Awal bulan Ramaḍān
2092	Awal bulan Ramaḍān
2094	Awal bulan Ramaḍān
2096	Awal bulan Ramaḍān
2097	Awal bulan Ramaḍān
2099	Awal bulan Ramaḍān
1539	Awal bulan Ramaḍān
2084	Awal bulan Ramaḍān
2091	Awal bulan Ramaḍān
2098	Awal bulan Ramaḍān
Tirmidhī (3 ḥadīth)	
627	Awal bulan Ramaḍān
629	Awal bulan Ramaḍān

---

#### 4 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Berdasarkan kepada data yang diperolehi, terdapat beberapa analisis yang telah dilakukan oleh pengkaji.

##### 4.1 PEMBANGUNAN TEMA

*Jadual 2 Pembangunan Tema Ḥadīth-ḥadīth al-Hilāl*

OBJEK	PEMBANGUNAN TEMA
Bulan	Penentuan awal bulan Tazkirah Larangan puasa wiṣāl Bentuk garisan depan orang yang solat Adab (kesaksian tertolak) Tanda kebesaran Allah Doa ru'yah anak bulan Tafsīr al-Qur'ān Adab dan tanda kebesaran Allah

Berdasarkan kepada jadual 2 di atas, pengkaji mendapati bahawa menerusi carian dan analisis tematik ḥadīth-ḥadīth al-hilāl, kebanyakan ḥadīth yang dikaji adalah lebih bertemakan kepada persoalan penentuan awal bulan di dalam kalender hijriy. Pun demikian, setelah membuat padanan dengan kitāb-kitāb fiqh utama seperti Majmū' Sharḥ al-Muhzab, ḥadīth-ḥadīth al-hilāl ini sahaja tidak mencukupi untuk melengkapkan perbincangan dan wacana mengenai kaedah penentuan awal bulan. Terdapat juga beberapa ḥadīth yang tidak mengandungi kalimah al-hilāl, tetapi dirujuk sebagai sandaran terdapat isu ini. Antaranya:

صحيح البخاري ١٧٨٠: حَدَّثَنَا آدَمُ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ حَدَّثَنَا الْأَسْوَدُ بْنُ قَيْسٍ حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ عَمْرٍو أَنَّهُ سَمِعَ ابْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ إِنَّا أُمَّةٌ أُمِّيَّةٌ لَا نَكْتُبُ وَلَا نَحْسِبُ الشَّهْرَ هَكَذَا وَهَكَذَا يَعْنِي مَرَّةً تِسْعَةً وَعِشْرِينَ وَمَرَّةً ثَلَاثِينَ

*Ṣaḥīḥ Bukhārī 1780: Telah menceritakan kepada kami Adam telah menceritakan kepada kami Syu'bah telah menceritakan kepada kami Al Aswad bin Qais telah menceritakan kepada kami Sa'id bin 'Amru bahawa dia mendengar Ibnu'Umar ma dari Nabi bersabda: "Kita ini adalah ummat yang ummi, yang tidak biasa menulis dan juga tidak menghitung satu bulan itu jumlah harinya segini dan segini, yaitu sekali berjumlah dua puluh sembilan dan sekali berikutnya tiga puluh hari".*



## 4.2 AMALAN BERDOA DI DALAM CERAPAN HILĀL

Kajian berdasarkan carian berasaskan kalimah al-hilāl juga mendapati terdapat satu penambahbaikan yang boleh dilakukan dalam kalangan pengamal dan pihak berkuasa falak di negeri masing-masing, iaitu doa ma'thūr yang dianjurkan oleh nabi Muḥammad ketika melihat anak bulan. Sabda nabi:

سنن الترمذي ٣٣٧٣: حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ حَدَّثَنَا أَبُو عَامِرٍ الْعَقَدِيُّ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ سُفْيَانَ الْمَدِينِيُّ حَدَّثَنِي بِلَالُ بْنُ يَحْيَى بْنِ طَلْحَةَ بْنِ عُبَيْدِ اللَّهِ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ طَلْحَةَ بْنِ عُبَيْدِ اللَّهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا رَأَى الْهِلَالَ قَالَ اللَّهُمَّ أَهْلِلْهُ عَلَيْنَا بِالْإِيمَانِ وَالسَّلَامَةِ وَالْإِسْلَامِ رَبِّي وَرَبُّكَ اللَّهُ قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ

*Sunan Tirmidhi 3373: Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Basysyar telah menceritakan kepada kami Abu 'Amir Al 'Aqadi telah menceritakan kepada kami Sulaiman bin Sufyan Al Madini telah menceritakan kepada kami Bilal bin Yahya bin Thalhah bin 'Ubaidullah dari ayahnya dari kakeknya yaitu Thalhal bin 'Ubaidullah bahawa Nabi apabila melihat bulan sabit beliau mengucapkan: Ya Allah, Engkau terbitkanlah bulan tersebut kepada kami dengan berkah, iman, keselamatan serta Islam! Tuhanku dan Tuhanmu adalah Allah). Abu Isa berkata; ḥadīth ini adalah ḥadīth hasan gharib.*

## 4.3 IKHTILĀF DI DALAM MEMAHAMI ḤADĪTH PENENTUAN AWAL BULAN

Sejajar dengan perkembangan ilmu pengetahuan sains dan teknologi, kemampuan manusia untuk membuat pengiraan kebolehnampakan anak bulan adalah semakin meningkat. Kemampuan ini walaupun turut berdasarkan semangat ru'yah yang diajar oleh nabi Muḥammad, tetapi ianya masih belum diterima sebagai ijmā' dalam kalangan umat Islām. Ḥadīth yang paling jelas mengenai persoalan ru'yah ini ialah seperti berikut:

صحيح مسلم ١٧٩٥: حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يَحْيَى قَالَ قَرَأْتُ عَلَى مَالِكٍ عَنْ نَافِعٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ ذَكَرَ رَمَضَانَ فَقَالَ لَا تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْا الْهِلَالَ وَلَا تَفْطُرُوا حَتَّى تَرَوْهُ فَإِنْ أُغْمِيَ عَلَيْكُمْ فَاذْرُوا لَهُ

*Ṣaḥīḥ Muslim 1795: Telah menceritakan kepada kami Yahya bin Yahya ia berkata, saya telah membacakan kepada Malik dari Nafi' dari Ibnu Umar dari Nabi, bahawa beliau menyebutkan Ramaḍān, dan beliau pun bersabda: "Janganlah kalian berpuasa hingga kalian melihat Hilāl (anak bulan) dan jangan pula berbukan hingga melihatnya (terbit) kembali. Namun, jika bulan itu tertutup dari pandanganmu, makan hitunglah."*

Daripada ḥadīth ini, 'ulamā' fiqh telah bersepakat menyatakan bahawa kaedah untuk menentukan (ithbāt) awal Ramaḍān ialah dengan kaedah ru'yah. Walaupun demikian, berlaku perbezaan terhadap definisi operasi ru'yah tersebut. Majoriti kitāb fiqh klasik menyatakan

maksud ru'yah itu dengan perspektif tekstual semata-mata, penglihatan jasad fasa awal bulan itu sendiri dengan mata manusia. Sebahagian sarjana moden pula berpandangan ianya boleh difahami daripada perspektif kontekstual, iaitu dengan menggunakan kaedah ilmu ḥisāb. Sementara di dalam ḥadīth yang sama nabi mengajar kaedah lain sekiranya anak bulan itu terhalang daripada pandangan mata manusia, iaitu kaedah taqdīr berasaskan uqdurū lah.

Pun demikian, majoriti pandangan ahli fiqh awal lebih cenderung kepada penggunaan kaedah ru'yah dan istikmāl semata-mata. Lafaz uqdurū lah, ironinya, tidak disebut di dalam sebahagian riwayat ḥadīth ṣaḥīḥ yang lain, yang memberikan petunjuk langsung kepada kaedah istikmāl, seperti dalam ḥadīth berikut:

صحيح مسلم ١٨١١: حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشْرٍ الْعَبْدِيُّ حَدَّثَنَا  
عَبِيدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ عَنْ أَبِي الزِّنَادِ عَنِ الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ  
ذَكَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْهِلَالَ فَقَالَ إِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَصُومُوا وَإِذَا رَأَيْتُمُوهُ  
فَأَفْطِرُوا فَإِنَّ أَعْمَى عَلَيْكُمْ فَعَدُّوا ثَلَاثِينَ

*Ṣaḥīḥ Muslim 1811: Telah menceritakan kepada kami Abu Bakar bin Abu Syaibah telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Bisyr Al Abdi telah menceritakan kepada kami Ubaidullah bin Umar dari Abu Zinad dari Al A'raj dari Abu Hurairah , ia berkata; Rasulullah menyebut hilāl, maka beliau pun bersabda: "Jika kalian melihatnya, maka berpuasalah, dan bila kemudian kalian melihatnya (terbit) kembali, maka berbukalah. Dan jika bulan itu tertutup dari pandangan kalian, hitunglah menjadi tiga puluh hari."*

Pandangan yang menghadkan kaedah ru'yah dan istikmāl ini merujuk kaedah ru'yah itu sebagai amr ta'abbudiy, ghair ma'qūlat al-ma'nā, iaitu perkara ibadat yang tidak boleh dilaraskan oleh rasional akal. Wacana di dalam kitāb fiqh klasik menolak kepakaran golongan al-hasib (pakar kiraan) dan al-munajjim (pakar pergerakan bintang/jasad samawi). Sebahagian daripada sarjana fiqh yang terkemudian, seperti al-Qalyūbī, al-Ramlī, al-'Abbadī dan al-Sharwanī, memberikan sedikit pandangan yang mengiktiraf peranan ḥisāb di dalam penentuan awal Ramaḍān, tetapi hanya untuk diri mereka sahaja, bukannya untuk dilaksanakan oleh pemerintah apatah lagi orang awam (Akh. Mukarram, 2016).

Ikhtilāf mengenai keharusan menggunakan kaedah ḥisāb ini terus berlarutan sehingga sekarang. Walaupun imkān al-ru'yah turut mengambil kira elemen penampakan ke atas anak bulan, akan tetapi sarjana falak masih belum bersepakat, sama ada menerimanya sebagai kaedah penentuan, atau belum bersepakat mengenai syarat-syarat kebolehnampakan.

Pengkaji berpandangan, ḥadīth-ḥadīth mengenai hilāl sekiranya dihimpunkan dan diwacana secara kolektif, boleh menatijahkan kesepakatan di dalam penerimaan kaedah ḥisāb imkān al-ru'yah. Sekiranya diteliti ḥadīth-ḥadīth berkaitan, tiada satu pun nas, sama ada secara tekstual atau kontekstual, yang melarang penggunaan kaedah ḥisāb. Akan tetapi, terdapat ḥadīth yang membayangkan mengenai aplikasi ḥisāb ini, seperti ḥadīth:

صحيح البخاري ١٧٨٠: حَدَّثَنَا آدَمُ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ حَدَّثَنَا الْأَسْوَدُ بْنُ قَيْسٍ حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ  
عَمْرٍو أَنَّهُ سَمِعَ ابْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا  
عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ إِنَّا أُمَّةٌ أُمِّيَّةٌ لَا نَكْتُبُ وَلَا نَحْسِبُ الشُّهُرَ هَكَذَا  
وَهَكَذَا يَعْنِي مَرَّةً تِسْعَةً وَعِشْرِينَ وَمَرَّةً ثَلَاثِينَ

*Ṣaḥīḥ Bukhārī 1780: Telah menceritakan kepada kami Adam telah menceritakan kepada kami Syu'bah telah menceritakan kepada kami Al Aswad bin Qais telah menceritakan kepada kami Sa'id bin 'Amru bahawa dia mendengar Ibnu'Umar ma dari Nabi bersabda: "Kita ini adalah ummat yang ummi, yang tidak biasa menulis dan juga tidak menghitung satu bulan itu jumlah harinya segini dan segini, yaitu sekali berjumlah dua puluh sembilan dan sekali berikutnya tiga puluh hari".*

Ḥadīth di atas menunjukkan satu fakta penting kepada umat Islām, iaitu nabi membayangkan betapa penting untuk meraikan perkembangan sesebuah ilmu empirikal dan kaitannya dengan ibadah. Di zaman nabi, orang Arab kebanyakannya adalah ummiy – tidak tahu membaca, menulis dan mengira. Sekiranya dengan limitasi ilmu pada waktu itu nabi membayangkan kaedah ḥisāb 'urfīy yang mudah selain dipastikan dengan ru'yah dan istikmāl, apatah lagi pada zaman sekarang yang menyaksikan kemajuan dalam ilmu falak, sepatutnya terdapat beberapa kaedah ḥisāb haqiqiy yang boleh digunakan, selagi mana ianya selari dengan kaedah asal iaitu ru'yah. Sekiranya sarjana fiqh semasa zaman pertengahan mula menunjukkan sikap untuk menerima kaedah ḥisāb hanya kepada pakar ḥisāb, dalam keadaan yang mungkin pada waktu itu kaedah pengiraan masih belum tepat, apatah lagi di zaman sekarang yang menyaksikan kemajuan dan akurasi tinggi di dalam pengiraan.

Ini juga selari dengan sikap yang dipamerkan dalam beberapa ḥadīth, mengenai kepentingan untuk menyatukan tarikh permulaan puasa bagi negeri-negeri yang dipimpin oleh orang Islām. Sebagai contohnya, ialah ḥadīth-hadith berikut:

صحيح مسلم ١٨٢٠: حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ فُضَيْلٍ عَنْ حُصَيْنِ  
عَنْ عَمْرِو بْنِ مُرَّةَ عَنْ أَبِي الْبَحْتَرِيِّ قَالَ  
خَرَجْنَا لِلْعُمْرَةِ فَلَمَّا نَزَلْنَا بِنِطْنِ نَخْلَةَ قَالَ تَرَاءَيْنَا الْهِلَالَ فَقَالَ بَعْضُ الْقَوْمِ هُوَ ابْنُ ثَلَاثٍ  
وَقَالَ بَعْضُ الْقَوْمِ هُوَ ابْنُ لَيْلَتَيْنِ قَالَ فَلَقِينَا ابْنَ عَبَّاسٍ فَقُلْنَا إِنَّا رَأَيْنَا الْهِلَالَ فَقَالَ بَعْضُ  
الْقَوْمِ هُوَ ابْنُ ثَلَاثٍ وَقَالَ بَعْضُ الْقَوْمِ هُوَ ابْنُ لَيْلَتَيْنِ فَقَالَ أَيُّ لَيْلَةٍ رَأَيْتُمُوهُ قَالَ فَقُلْنَا لَيْلَةٌ  
كَذَا وَكَذَا فَقَالَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ اللَّهَ مَدَّهُ لِلرُّؤْيَةِ فَهُوَ لِللَّيْلَةِ رَأَيْتُمُوهُ

*Ṣaḥīḥ Muslim 1820: Telah menceritakan kepada kami Abu Bakar bin Abu Syaibah telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Fudlail dari Hushain dari Amru bin Murrah dari Abu Al Bakhtari ia berkata; Suatu ketika, kami keluar untuk menunaikan umrah. Ketika kami singgah di Bathn Nakhlah, kami melihat hilāl, maka sebagian dari rombongan pun berkata, "Itu adalah malam ketiga." Kemudian sebagian yang lain mengatakan, "Itu adalah malam kedua." Kemudian kami menemui Ibnu Abbas dan kami pun berkata padanya, "Kami telah melihat hilāl, lalu sebagian orang mengatakan bahawa itu adalah malam ketiga, sedangkan yang lain mengatakan bahawa itu adalah malam kedua." Maka Ibnu Abbas bertanya, "Pada malam apakah kalian melihatnya?" kami menjawab, "Kami melihatnya pada ini dan ini..." ia pun berkata; Sungguh Rasulullah telah bersabda: "Sesungguhnya Allah telah membentangkannya untuk dapat dilihat. Karena itu, mulailah pada malam kamu melihatnya.""*

سنن الترمذي ٦٢٧: حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الصَّبَّاحِ حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ أَبِي تَوْرٍ عَنْ سِمَاكٍ عَنْ عِكْرِمَةَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ جَاءَ أَعْرَابِيٌّ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنِّي رَأَيْتُ الْهَيْلَالَ قَالَ أَتَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ أَتَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ قَالَ نَعَمْ قَالَ يَا بِلَالُ أَدْنُ فِي النَّاسِ أَنْ يَصُومُوا غَدًا حَدَّثَنَا أَبُو كُرَيْبٍ حَدَّثَنَا حُسَيْنُ الْجَعْفِيُّ عَنْ زَائِدَةَ عَنْ سِمَاكٍ نَحْوَهُ بِهَذَا الْإِسْنَادِ قَالَ أَبُو عِيسَى حَدِيثُ ابْنِ عَبَّاسٍ فِيهِ اخْتِلَافٌ وَرَوَى سُفْيَانُ الثَّوْرِيُّ وَغَيْرُهُ عَنْ سِمَاكٍ عَنْ عِكْرِمَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُرْسَلًا وَأَكْثَرُ أَصْحَابِ سِمَاكٍ رَوَوْا عَنْ سِمَاكٍ عَنْ عِكْرِمَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُرْسَلًا وَالْعَمَلُ عَلَى هَذَا الْحَدِيثِ عِنْدَ أَكْثَرِ أَهْلِ الْعِلْمِ قَالُوا تُقْبَلُ شَهَادَةُ رَجُلٍ وَاحِدٍ فِي الصِّيَامِ وَبِهِ يَقُولُ ابْنُ الْمُبَارَكِ وَالشَّافِعِيُّ وَأَحْمَدُ وَأَهْلُ الْكُوفَةِ قَالَ إِسْحَاقُ لَا يُصَامُ إِلَّا بِشَهَادَةِ رَجُلَيْنِ وَلَمْ يَخْتَلِفْ أَهْلُ الْعِلْمِ فِي الْإِفْطَارِ أَنَّهُ لَا يُقْبَلُ فِيهِ إِلَّا شَهَادَةُ رَجُلَيْنِ

*Sunan Tirmidhī 627: Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Isma'il telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Ash Shabah telah menceritakan kepada kami Al Walid bin Abu Tsaur dari Simak dari 'Ikrimah dari Ibnu Abbas dia berkata, seorang baduwi datang menemui Nabi sambil berkata, sesungguhnya saya telah melihat hilāl (Ramadān), beliau bertanya: "Apakah kamu bersaksi bahawa tidak ilah selain Allah dan Muhammad adalah Rasulullah?" Dia menjawab, Iya, Nabi berkata kepada Bilal: "Wahai Bilal, umumkan agar manusia mulai berpuasa besok." Telah menceritakan kepada kami Abu Kuraib telah menceritakan kepada kami Husain Al Ju'fi dari Zaidah dari Simak seperti ḥadīth diatas dengan sanad yang sama. Abu 'Isa berkata, di dalam ḥadīth Ibnu Abbas terdapat perselisihan, Sufyan Ats Tsauri dan yang lainnya meriwayatkan ḥadīth ini dari Simak dari 'Ikrimah dari Nabi secara mursal. Sebagian besar shahabat Simak meriwayatkannya dari Simak dari 'Ikrimah dari Nabi secara mursal dan ḥadīth ini diamalkan oleh kebanyakan ulama, mereka berkata, diterimanya persaksian seorang laki-laki dalam awal puasa ini juga merupakan pendapatnya Ibnu Al Mubarak, Syafi'i dan Ahmad dan Penduduk Kufah. Ishaq berkata, Tidak diterima kesaksian satu orang untuk awal puasa akan tetapi harus dua orang. Para Ulama tidak berselisih pendapat mengenai akhir Ramadān, bahawa tidak diterima (persaksian ru'yah hilāl) kecuali disaksikan oleh dua orang laki-laki.*

Tidak dinafikan, ḥadīth di atas banyak digunakan sebagai rujukan kepada persoalan shahādah dan ru'yah, tetapi semangat yang ditunjukkan oleh pemimpin ialah kepentingan untuk menyatukan sistem kalender sebagai rujukan ibadah kepada umat Islām. Ironinya, andai kemajuan Tamadun Barat, yang suatu ketika pernah belajar sains dan teknologi daripada orang-orang Arab dan Muslim yang lain, berbangga dengan sistem kalender mereka yang asalnya tidak bersistematik, tetapi berjaya disatukan menerusi kalender Julian-Gregorian, justeru adalah menjadi prioriti penting bagi umat Islām zaman sekarang untuk bergerak ke arah semangat yang sama.

## 5 PENUTUP

Berdasarkan pengumpulan dan analisis tematik ḥadīth-ḥadīth yang mengandungi kalimah al-hilāl di dalam al-kutub al-sittah, pengkaji berpandangan bahawa nabi Muḥammad meninggalkan satu sikap dinamik di dalam peninggalan baginda di dalam perkembangan falak, khususnya di dalam penentuan awal bulan kalender hijriy, dengan galakan untuk bersifat terbuka dalam berijtihad, selain galakan untuk mentafsirkan nas, selari dengan perkembangan ilmu sains dan teknologi semasa. Kajian juga mendapati walaupun ḥadīth-ḥadīth hilāl ini boleh digunakan untuk menyatukan sistem kalender umat Islām di peringkat dunia, akan tetapi cabaran yang masih berbaki ialah daripada sudut aplikasi teknikal, seperti kriteria ḥisāb imkān al-ru'yah. Justeru, usaha-usaha yang dilakukan oleh sarjana falak, sama ada yang berlatarbelakangkan fundamental mahu pun teknikal, seperti Persidangan Turki Mei 2016 yang lalu, perlu disambut baik dan positif oleh umat Islām di seluruh pelusuk dunia.

## BIBLIOGRAFI

- Ahmad, Khader. "Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam Al-Kutub Al-Sittah: Aplikasi Di Pusat Rawatan Islam Di Malaysia." University Malaya, 2012.
- Akh. Mukarram. "Penetapan Awal Bulan Qamariyah Dalam Perspektif Fiqh" (makalah, 2016)
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm. *Ṣaḥīḥ Al-Imām Al-Bukhārī Al-Musammā Bi Al-Jāmi' Al-Musnad Al-Ṣaḥīḥ Al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūl Allāh Wa Sunanihi Wa Ayyāmihī*. Beirut: Dar Tuq al-Najah, 2001.
- Al-Hārithī, Aḥmad bin Ḥasan bin Aḥmad. *Al-Aḥādīth Al-Nabawiyyah Allatī Ustudilla Biha Al-I'jāz Al-'Ilmiy Fī Al-Insān Wa Al-Arḍ Wa Al-Falak*. Al-Madīnah al-Munawwarah: Al-Jāmi'ah Al-Islāmiyyah bi al-Madīnah al-Munawwarah, 2010.
- Al-Shaukānī, Muḥammad 'Alī. *Al-Fawā'id Al-Majmū'ah Fī Al-Aḥādīth Al-Mauḍū'ah*. Beirut: al-Maktabah al-Assrya, 2011.
- Al-Zahrani, Muhammad Matar. *Tadwin Al-Sunnah Al-Nabawiyyah*. Kuala Lumpur: Al-Bayan Corporation Sdn Bhd, 2012.
- Anwar, Syamsul, *Interkoneksi Studi Hadīth dan Astronomi* (Yogyakarta: Penerbit Suara Muhammadiyah, 2011)
- Berg, Bruce Lawrence. *Qualitative Research Methods for the Social Sciences*. Michigan: Allyn and Bacon, 2001.
- Boyatzis, Richard E. *Transforming Qualitative Information; Thematic Analysis and Code Development*. London: Sage Publication, 1998.
- Braun, Virginia, and Victoria Clarke. "Using Thematic Analysis in Psychology." *Qualitative Research in Psychology* 3 (2006): 77–101.
- Denzin, Norman K., and Yvonna S. Lincoln. *The Landscape of Qualitative Research*. London: Sage Publication, 2012.
- Deraman, Fauzi. *Hadith Dalam Karya Syeikh Daud Al-Fatani*. Kuala Lumpur: DBP, 2010.
- H.S. Farid. "100 Masalah Hisab dan Rukyah: Telaah Syariah, Sains dan Teknologi." Jakarta: Jakarga Gema Insani Press, 1996.
- Ismail, Mat Rofa "Retori, Balaghah Bahasa Dan Etnomantik Melayu." In *Etnosains Dan Etnomatematik Alam Melayu*, edited by Mat Rofa Ismail, 179–218. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.

- Ismail, Mat Rofa. "Kosmologi Dan Geopusatannya Nuruddin Al-Raniri." In *Etnosains Dan Etnomatematik Alam Melayu*, edited by Mat Rofa Ismail, 1–14. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.
- Ismail, Mat Rofa. *Falsafah Sains: Pendekatan Kualitatif*. Ampang: DBP, 2006.
- Izzan, Ahmad, and Iman Saifullah. *Studi Ilmu Falak; Cara Mudah Belajar Ilmu Falak*. Banten: Pustaka AuFa Media, 2013.
- Jamal. "Falak Dalam Negeri Pahang." Universiti Malaya, 2013.
- King, David A. *Islamic Astronomy and Geography*. Surrey: Ashgate Publishing Limited, 2012.
- Mahmud, Yakan. *Pandangan Islam Terhadap Orientalisme*. Kuala Lumpur: DBP, 2013.
- Md Zain, Rohaizan Baru. *Bagaimana Meletakkan Hukum Hadith*. Kuala Lumpur: JAKIM, 1999.
- Mohd. Zambri Zainuddin & Mohd Saiful Anuar Mohd Nawāwī. "Asal Usul Kriteria Imkanurukyah Mabims Di Malaysia" Portal Scribd API UM, dicapai pada 30 Jun 2016. <https://api-qa.scribd.com/document/135299559/Asal-Usul-Kriteria-Imkan-Al-rukyah-Malaysia-Oleh-Mohd-Zambri-Zainuddin>.
- Muslim, bin Al-Ḥajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Cairo: Dar al-Hadith, 1991.
- Saadman, Mohammad Abdul Niri, Khadijah Ismail & Abdul Karim Ali. *Tradisi Kecemerlangan Astronomi Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2014.
- Suliaman, Suliaman et al, *Metodologi Penulisan Zaghlul al-Najjar Dalam Menganalisis Teks Ḥadīth Nabawiy Melalui Data-data Saintifik* (Prosiding Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti dan Cabaran Semasa, 2011) 279-289
- Wahab, Raihana Abdul. "Proses Kematian Bintang Daripada Perspektif Islam Dan Astronomi Modern." Universiti Malaya, 2014.
- Zainal, Baharrudin. "Etnomatematik Dalam Ilmu Falak Alam Melayu." Universiti Putra Malaysia, 2009.
- Zainal, Baharrudin. "Kenampakan Anak Bulan Dalam Takwim Alam Melayu." In *Etnosains Dan Etnomatematik Alam Melayu*, edited by Mat Rofa Ismail, 15–26. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.
- Zainal, Baharrudin. *Ilmu Falak: Teori, Praktik Dan Hitungan*. Kuala Terengganu: KUSZA, 2003.
- Zulkipli, Shahrul Nizam, & Ishak Suliaman. *Autoriti Hadis Di Internet*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.